

UTUSAN MALAYSIA 13 DISEMBER 2013

Lembaran baharu Pusat Pengaman Malaysia

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
pengarang@utusan.com.my

PENYERTAAN Malaysia dalam pasukan pengaman antarabangsa tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bermula pada 1960 dengan misi sulung di Congo, Afrika.

Sejak itu, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif di pentas antarabangsa dengan menyertai misi pengaman di lebih 40 buah negara di dunia serta mendapat penghargaan dan dihormati dalam setiap misi tersebut.

Ketika ini, Malaysia terlibat dalam tujuh misi pengaman dengan Lebanon dan Filipina sebagai misi yang terbesar.



BADRUL HISHAM

Penyertaan aktif Malaysia dalam misi keamanan telah mendorong kerajaan menubuhkan Pusat Pengaman Malaysia (PPM) pada 9 Jun 1995 bertujuan melatih dan melengkapkan individu atau pasukan mengemulakan pelbagai aspek operasi pengaman.

Pada mulanya, pusat itu dikenali sebagai Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) sebelum ditukar kepada PPM mulai Disember tahun lalu bagi memenuhi peranan, objektif dan fungsinya untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Walaupun tanpa kemudahan premis yang rasmi sehingga 2005, pusat itu telah memulakan operasi pertama dengan menganjurkan Kursus Pegawai Pemerhati Tentera selama tiga minggu.

Pada 18 September 1995, PLPM telah berpindah ke lokasi sementara di Institut Pengurusan Tentera Darat (IPTDA), Port Dickson dekat sini.

Kompleks baharu PPM dengan keluasan



PESERTA kursus mengikuti kelas di Pusat Pengaman Malaysia. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

kira-kira 2.4 hektar di Kem Segenting, Batu 9, Port Dickson telah dibina pada awal tahun 2002.

Pada 27 Februari 2006, PPM telah berpindah ke kompleks baharu itu yang telah dirasmikan pada 20 April 2006 oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan pada masa tersebut.

Komandan PPM, Kolonel Badrul Hisham Muhammad berkata, PPM mempunyai kemudahan bangunan pentadbiran, kelas, auditorium dikenali sebagai Auditorium Ban Ki Moon, penginapan gaya hotel yang mampu menempatkan 58 peserta pada satu-satu masa, dewan makan dan kemudahan rekreasi seperti gimnasium dan kolam renang.

Sehingga kini, katanya, PPM telah melatih lebih 2,000 anggota tentera, polis dan orang awam serta 600 peserta dari 52 negara.

"Hari ini, Malaysia akan mencatatkan sejarah baharu apabila PPM menerima pengiktirafan daripada kerajaan Amerika

Syarikat (AS) dengan anugerah Sijil Keupayaan Latihan Penuh (FTC) yang akan disampaikan oleh Pemangku Penolong Setiausaha, Biro Hubungan Politik-Tentera, Jabatan Negara AS, Tom Kelly," katanya.

Menurutnya, pengiktirafan itu dibuat melalui inisiatif Operasi Keamanan Global (GPOD) di bawah Pemerintahan Negara Asia Pasifik AS.

Jelasnya, GPOI adalah program bantuan keselamatan yang dibiayai oleh kerajaan AS bertujuan meningkatkan keupayaan peringkat antarabangsa bagi melaksanakan operasi keamanan wilayah dan PBB dengan berkesan.

Ini dapat dicapai dengan membina kemampuan negara rakan melatih dan mengekalkan kecekapan pasukan pengaman; meningkatkan bilangan pasukan tentera yang berupaya dan membentuk unit polis yang bersedia ditugaskan; membantu persiapan, sokongan logistik dan pengantaran unit tentera dan polis ke misi pengaman.


Katanya, interaksi pertama antara Ma-

laysia dengan GPOI bermula pada 2006 dengan kursus yang pertama di sini ialah Pegawai Logistik PBB (UNLOG) pada 2007 dan sejak itu, sebanyak 28 kursus yang disokong oleh GPOI telah diadakan di negara ini.

"Pengiktirafan FTC adalah satu peristiwa penting dalam perkongsian program GPOI bagi membolehkan negara mempunyai institusi yang berupaya membantu latihan dan penghantaran pasukan pengaman bagi memenuhi komitmen kepada Operasi Pengaman PBB (UNPKO).

"Tambah pula, pencapaian semua kriteria FTC mewakili tahap profesionalisme yang tinggi terhadap operasi pengaman sebagai misi penting oleh negara rakan," katanya.

Badrul Hisham menarik perhatian, hari ini juga mencatatkan peristiwa penting apabila Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Zulkidli Mohd. Zin melancarkan pelan tindakan jangka panjang yang akan memacu PPM ke peringkat yang lebih tinggi.



PUSAT Pengaman Malaysia (PPM) yang terletak di Batu 9, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Katanya, pelan tersebut memberi tumpuan kepada tiga inisiatif utama iaitu pembangunan kurikulum dan penyampaian latihan, pembangunan kadrangan dan kemudahan serta membina perkongsian yang baharu.

Jelasnya, inisiatif pertama itu melibatkan kerjasama rapat antara PPM dan Jabatan Operasi Pengaman PBB bagi mengkaji semula kursus yang ditawarkan dengan mengenal pasti amalan terbaharu daripada kurikulum bersepadu PBB.

"Dalam hal ini, PPM bercadang melaksanakan tiga kursus baharu mulai tahun depan iaitu perlindungan orang awam (POC), gender dan kepelbagaian budaya," ujarnya.

Kesimpulannya, Badrul menyifatkan PPM sebagai pusat latihan pengaman antara yang terbaik di Asia Pasifik.

Kewujudan PPM adalah tanda sokongan berterusan Malaysia kepada PBB dalam memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa.